



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



KEBERKESANAN PEMBELAJARAN BERKHIDMAT DALAM
MENINGKATKAN DIMENSI MORAL PELAJAR DI
PERINGKAT KOLEJ

*THE EFFECTIVENESS OF SERVICE LEARNING IN IMPROVING THE MORAL
DIMENSION OF STUDENTS AT THE COLLEGE LEVEL*

Farah Liyana Nabihah Mohd Noor¹, Sakinah Salleh^{2*}

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Email: farahliyananabihah97@gmail.com

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Email: sakinah.salleh@fsk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

To cite this document:

Noor, F. L. N. M., & Salleh, S. (2022). Keberkesanan Pembelajaran Berkhidmat Dalam Meningkatkan Dimensi Moral Pelajar Di Peringkat Kolej. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 521-538.

DOI: 10.35631/IJEPC.747042

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

Abstrak:

Kajian penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran berkhidmat bertujuan meningkatkan dimensi moral pelajar di peringkat kolej. Objektif kajian adalah mengenalpasti keberkesanan program Pembelajaran Berkhidmat dalam mengembangkan penaaakulan dan amalan moral serta meningkatkan dimensi moral pelajar. Reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif telah digunakan dalam kajian dengan melibatkan 6 orang pelajar kolej sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah temubual kumpulan berfokus, penulisan jurnal serta nota refleksi. Manakala data kutipan kajian telah menggunakan teknik analisis tema dan hasil kajian dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berkhidmat dapat meningkatkan dimensi moral pelajar di peringkat kolej. Pelbagai unsur dimensi moral telah dikesan oleh penyelidik yang merangkumi penaaakulan moral, emosi moral dan juga amalan moral. Berdasarkan dapatan kajian, pembelajaran berkhidmat mampu meningkatkan kesemua aspek dimensi moral murid. Selain itu pembelajaran berkhidmat ini juga dapat memberi banyak kebaikan disamping dapat mendidik pelajar dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran menguruskan program.

Kata Kunci:

Pembelajaran Berkhidmat, Dimensi Moral, Penaaakulan Moral, Emosi Moral, Amalan Moral, Kolej

Abstract:

This research study aims to examine the effectiveness of service learning aimed at improving the moral dimension of students at the college level. The study objectives were to identify the effectiveness of the Service Learning program in developing moral reasoning and practice as well as improving the moral dimension of students. A case study design with a qualitative approach was used in the study involving 6 college students as the study sample. The research instruments used were focus group interviews, journal writing and reflection notes. While the data collected by the study has used theme analysis technique and the results of the study were analysed using descriptive analysis method. The findings of the study indicated that service learning can improve the moral dimension of students at the college level. Various elements of the moral dimension have been detected by researchers which include moral reasoning, moral emotion and even moral practice. Based on the findings of the study, service learning was able to improve all aspects of moral dimension of students. Apart from that, service learning can also provide many benefits as well as educate students with various skills such as program management skills.

Keywords:

Service Learning, Moral Dimensions, Moral Reasoning, Moral Emotions, Moral Practice, College

Pengenalan

Di Malaysia, pendidikan berkenaan dengan moral telah diajarkan di peringkat sekolah. Pendidikan moral adalah proses memupuk pelajar untuk menjadi orang yang bermoral atau ada akhlak yang terpuji dengan menekankan perkembangan pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral. Setiap orang mempunyai tahap kemoralannya yang tersendiri dan mereka bertingkah laku mengikut pertimbangan moral tersebut. Fokus kerja pendidikan moral adalah untuk memupuk kekuatan dan semangat kerohanian pelajar dengan menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam semua etnik dalam masyarakat Malaysia. Oleh itu, pelajar dapat menetapkan panduan hidup dan menjadikan mereka orang yang beretika. Ini juga membolehkan mereka menjadi individu yang mempunyai tanggungjawab moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan. Menurut Barrow (2007), perkaitan antara warisan genetik dan didikan banyak mengajar kita untuk menjadi seorang yang bermoral dan tanpa didikan yang betul maka seseorang boleh menjadi sebaliknya. Di peringkat pengajian tinggi juga dapat dilihat bahawa pelajar sering dilihat tidak mengamalkan tingkah laku yang bermoral, namun jika mereka dididik dengan betul semasa kecil maka tingkah laku bermasalah ini dapat dielakkan. Salah satu strategi meningkatkan dimensi moral pelajar adalah melalui program pembelajaran berkhidmat. Program pembelajaran berkhidmat ini bukan sahaja mengajar pelajar cara untuk berkhidmat kepada masyarakat malah ia akan memberi peluang kepada pelajar untuk belajar tentang kepimpinan dalam mengendali sesebuah program dan disamping guru juga dapat mengaplikasikan teknik pengajaran yang lebih produktif dan menarik.

Pernyataan Masalah

Malaysia telah meletakkan pembangunan pendidikan sebagai matlamat utama untuk menjamin masa depan. Pendidikan juga bukan sahaja tertumpu kepada subjek seperti sains atau matematik sahaja tetapi perhatian kepada sahsiah, akhlak dan moral juga diberi perhatian. Justeru, subjek Pendidikan Moral di sekolah telah diperkenalkan sejak daripada tahun 1983.

Menurut Abd. Rahman Md. Aroff (1984), terdapat beberapa matlamat yang diketengahkan dalam Pendidikan Moral dan antaranya ialah mendorong dan memotivasi pelajar untuk menjadikan mereka bertindak secara sukarela, bertanggungjawab, dan mengikut pertimbangan moral sama seperti baik hati, mulia dan bermoral. Di peringkat pengajian tinggi, dapat dilihat kurangnya pengajaran yang menumpukan pembentukan identiti moral. Berdasarkan senario pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia, kebanyakan guru hanya memfokuskan pelajar untuk lulus dan menekankan kemahiran menghafal supaya pelajar mendapatkan keputusan yang cemerlang kerana kebanyakan pelajar tidak dapat mengaitkan nilai yang dipelajari dengan keadaan sebenar (Nachiappan et al., 2017). Dalam sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi, apa yang dapat dilihat ialah kurangnya penekanan terhadap aspek pembentukan identiti moral pelajar dan hanya tertumpu kepada pencapaian akademik sahaja. Umumnya di Malaysia, masalah tingkah laku tidak bermoral sering berlaku terutamanya isu kurangnya sikap beradab dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, langkah intervensi perlu dilakukan agar masalah ini tidak menjadi semakin teruk. Walaupun terdapat beberapa kursus universiti yang telah tersedia namun begitu kurangnya penumpuan subjek yang khusus kepada peningkatan moral pelajar. Antara kursus yang membantu semua pelajar membentuk keyakinan dan meningkatkan pembentukan identiti moral pelajar adalah kursus Pembelajaran Berkhidmat yang memberi peluang pelajar belajar secara formal bersama pensyarah yang berkenaan. Melalui kursus pembelajaran berkhidmat, pelajar akan dapat mempelajari bagaimana untuk menjalankan sesuatu program mengikut langkah yang ada dalam pembelajaran berkhidmat itu sendiri. Menurut Bringle dan Hatcher (1996), pembelajaran berkhidmat merupakan satu pengalaman pendidikan yang memberi pelajar peluang untuk mengambil bahagian dalam mengatur aktiviti perkhidmatan sesuai dengan keperluan masyarakat serta memberi pemahaman lebih lanjut tentang kandungan kursus. Ia juga dapat membantu daripada mengurangkan 'Gaps' antara pelajar dan juga masyarakat. Subjek pembelajaran berkhidmat hanya ditawarkan kepada pelajar jurusan pendidikan Moral lain selain mereka dan pengkaji juga melihat kebanyakan universiti tempatan yang lain juga tidak menawarkan kursus tersebut. Menurut Madsen dan Turnbull (2006), pembelajaran berkhidmat lebih mencabar berbanding dengan kaedah pembelajaran yang lain kerana projek pembelajaran perkhidmatan memerlukan lebih banyak masa untuk pensyarah merancang dan memfasilitasi daripada melakukan tugas lain. Walaupun kaedah pengajaran sedikit rumit tetapi banyak kelebihan yang boleh diperolehi. Berdasarkan kajian Celio et al. (2011) pelajar yang mengambil pembelajaran berkhidmat menunjukkan peningkatan konsep sendiri yang tinggi disamping mempunyai standard moral yang lebih mendalam dan mempunyai minat dan kepekaan terhadap komuniti dan keperluan mereka. Namun begitu, kajian-kajian lepas yang dilakukan tidak tertumpu tentang bagaimana pembelajaran berkhidmat dapat diaplikasikan dalam kursus pengajaran peringkat kolej di Malaysia terutamanya. Justeru, kajian secara mendalam tentang keberkesanan program pembelajaran berkhidmat yang mengfokuskan kepada peningkatan dimensi moral pelajar dilaksanakan. Kajian ini akan dapat mendedahkan tentang kepentingan moral dapat diubah serta dapat memastikan institusi pengajian tinggi dapat melahirkan insan yang bermoral disamping mempunyai nilai sivik yang tinggi dalam diri mereka sendiri.

Objektif Kajian

1. Menenalpasti keberkesanan program Pembelajaran Berkhidmat dalam mengembangkan penaakulan moral dalam kalangan pelajar
2. Mengkaji keberkesanan program pembelajaran berkhidmat dalam meningkatkan dimensi moral pelajar.

3. Meneroka teknik Pembelajaran Berkhidmat dalam mengembangkan amalan moral dalam kalangan pelajar

Secara khususnya, penyelidikan ini berusaha menjawab soalan-soalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah Pembelajaran Berkhidmat dapat mengembangkan penaakulan moral dalam kalangan pelajar?
2. Sejauh manakah teknik Pembelajaran Berkhidmat dapat mengembangkan emosi moral dalam kalangan pelajar?
3. Sejauh manakah teknik Pembelajaran Berkhidmat dapat mengembangkan amalan moral dalam kalangan pelajar?

Pembelajaran Berkhidmat

Pembelajaran Berkhidmat adalah pendekatan pendidikan yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat masyarakat untuk memberikan pengalaman pembelajaran pragmatik dan progresif semasa memenuhi keperluan masyarakat. Pembelajaran perkhidmatan melibatkan pelajar dalam projek perkhidmatan untuk menerapkan pembelajaran di kelas untuk agensi tempatan yang wujud untuk memberi kesan positif dalam masyarakat. Penerapan nilai dan moral tidak hanya melibatkan individu itu sendiri malah juga berfokus bagaimana seseorang itu berperanan dalam masyarakat. Menurut Schuitema et al, (2008), Pendidikan Moral adalah bertujuan untuk membimbing pelajar ke alam dewasa dan merangsang pengembangan identiti mereka disamping menekankan kepentingan pendidikan moral dari perspektif masyarakat. Apabila perkembangan prososial dan moral pelajar meningkat, maka ia akan menyumbang kepada kualiti sesebuah masyarakat itu.

Salah satu cara menerapkan elemen kemoralan yang sesuai adalah dengan memperkenalkan program pembelajaran berkhidmat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pelajar di peringkat kolej. Menurut Celio et al, (2011) pelajar yang mengambil pembelajaran berkhidmat menunjukkan peningkatan konsep sendiri yang tinggi disamping mempunyai standard moral yang lebih mendalam dan mempunyai minat serta kepekaan terhadap komuniti dan keperluan mereka. Berdasarkan ini, dapat diketahui bahwa pembelajaran berkhidmat ini dapat mendidik pelajar bagaimana untuk berkhidmat kepada masyarakat, pelajar juga dapat meningkatkan dimensi moral mereka. Dengan adanya aktiviti yang dijalankan, pelajar akan tahu betapa pentingnya menjadi seorang yang bermoral dalam kehidupan seharian mereka dan bagaimana pembelajaran berkhidmat dapat membantu mereka mengamalkan sikap yang bermoral. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dilakukan untuk menguji keberkesanan program pembelajaran berkhidmat ini dalam meningkatkan dimensi moral pelajar di peringkat kolej. Pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan satu program Service Learning Malaysia-University For Society (SULAM) (Mamat, 2019). Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pengalaman belajar yang menghubungkan teori dan praktikal dengan penyelesaian masalah di dunia nyata serta meningkatkan peluang untuk pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran di luar, sehingga dapat menghasilkan graduan yang holistik dan seimbang. KPM telah memulakan program ini di peringkat pengajian tinggi sahaja dan dalam pada yang sama menekankan bagaimana pendidikan dapat menjadi satu perubahan kepada kehidupan sosial bersama komuniti.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Hudin et al, (2018), peserta menunjukkan keupayaan untuk menghubungkan teori dan praktikal dan projek pembelajaran berkhidmat juga memberikan pengalaman transformatif terhadap aspek tingkah laku serta afektif pelajar semasa

mereka menunjukkan kesediaan untuk menjadi warganegara yang lebih baik untuk masyarakat. Untuk meluaskan lagi pelaksanaan pembelajaran berkhidmat di peringkat universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengeluarkan satu buku khas berkaitan SULAM (SULAM Playbook) untuk dijadikan panduan kepada universiti setempat (Mamat et al, 2019). Di dalam buku tersebut juga, KPM juga telah menyatakan objektif serta harapan mereka kepada pelajar agar dapat menyedari impak positif yang boleh diperolehi melalui pembelajaran berkhidmat. Walau bagaimanapun, Omar (2019) mendapati bahawa amalan pembelajaran berkhidmat kurang dilihat di antara pendidik di mana-mana peringkat pendidikan tinggi walaupun pelaksanaan pengajaran ini dan strategi pembelajaran sudah berlaku di institusi pendidikan tinggi Malaysia (Omar, 2019). Ini adalah disebabkan pendidik kurang memahami beza antara pembelajaran berkhidmat dengan kesukarelawanan dan mereka merasakan ia merupakan topik pembelajaran yang sama. Jadi, penyelidik mengambil inisiatif untuk memperluaskan lagi penggunaan pembelajaran dalam sistem pendidikan tetapi pada kajian kali ini pengkaji akan menerapkannya dalam sistem pendidikan di peringkat kolej.

Pembelajaran Berkhidmat adalah gabungan pendidikan formal serta tidak formal dan menerapkan pembelajaran itu dengan cara yang berorientasikan perkhidmatan. Ia adalah kaedah pembelajaran yang memerlukan pelajar menggunakan pengetahuan, menghubungkan kognitif dengan emosi dan menghasilkan hasil pembelajaran yang lebih baik. Pembelajaran berkhidmat juga adalah salah satu kaedah untuk memupuk orang muda dalam penyertaan bersama komuniti dan ia menjadi sebahagian pendidikan kewarganegaraan untuk anak muda (Folgueiras et al, 2020). Banyak bukti kajian yang menunjukkan pembelajaran berkhidmat dapat meningkatkan akademik pelajar. Dalam kajian yang dibuat oleh Celio et al (2011), data menunjukkan bahawa pelajar yang mengambil kursus pembelajaran berkhidmat mempunyai sikap yang positif terhadap akademik serta menunjukkan sensitiviti terhadap kepada komuniti. Pendekatan yang ada dalam pembelajaran berkhidmat memberikan banyak kelebihan kepada pelajar dan antaranya ialah memberi peluang kepada pelajar untuk mengasah kemahiran kepimpinan dalam diri mereka. Umumnya, pembelajaran berkhidmat memerlukan pelajar untuk pelajar untuk merangka sendiri aktiviti yang mereka perlu lakukan. Oleh itu, pengalaman yang mereka dapat melalui program tersebut dapat membantu mereka membina satu sendiri kepimpinan yang akan berguna untuk mereka apabila semakin meningkat remaja. Pelajar juga dapat mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan kepemimpinan mendapati terdapat peningkatan dalam pertumbuhan peribadi mereka setelah mendaftarkan subjek pembelajaran berkhidmat ini (Ma et al, 2016). Di samping itu, penemuan kualitatif oleh Astin et al, (2000) menunjukkan bahawa pembelajaran berkhidmat berkesan kerana ia membuahkan empat jenis hasil pembelajaran iaitu peningkatan keberkesanan peribadi, peningkatan kesedaran tentang dunia, peningkatan kesedaran tentang nilai peribadi seseorang, dan peningkatan penglibatan dalam pengalaman kelas. Justeru itu, ia juga akan meningkatkan kesedaran sivik dalam diri setiap pelajar dan pelajar juga akan meningkatkan kesedaran empati terhadap nasib orang lain dan cuba menggunakan penaakulan moral mereka untuk membuat satu tindakan yang bersesuaian. Melalui pembelajaran berkhidmat juga, pelajaran akademik dapat dipelajari melalui pembelajaran antara teori dan dan diterapkan secara praktikal. Pembelajaran berkhidmat dapat memberi pelbagai input positif sama ada kepada pelajar mahupun masyarakat yang terlibat. Pembelajaran berkhidmat juga menyediakan pelajar dengan pelbagai jenis realiti kehidupan dan pengalaman timbal balik yang membenarkan mereka untuk mengembangkan pemahaman sosial yang lebih mendalam tentang sesuatu isu. Menurut Bordelon dan Phillips (2006), pelajar mendapati bahawa pembelajaran berkhidmat lebih menarik terhadap prinsipnya berbanding pada tindakan yang membincangkan tentang makna

tersiratnya iaitu niat untuk membuat kejahatan adalah perkara yang berbeza daripada penglibatan dalam aktiviti.

Pendidikan Moral Di Malaysia

Pendidikan Moral merupakan subjek yang berkaitan dengan moral seseorang individu. Pendidikan Moral juga telah diperkenalkan di seluruh dunia sebagai satu subjek dalam sistem pendidikan. Terdapat negara yang menggelarkan subjek Pendidikan Moral sebagai Pendidikan Karakter tetapi pendekatan yang digunakan masih sama iaitu untuk mendidik manusia menjadi orang yang bermoral. Malaysia juga tidak terkecuali menawarkan subjek Moral dalam sistem pendidikan yang ada. Pendidikan Moral di Malaysia telah mula diperkenalkan sejak 1984 dan telah menjadi subjek teras untuk pelajar di sekolah sehingga kini. Subjek Pendidikan Moral di Malaysia ditawarkan kepada pelajar bukan Islam dan merupakan subjek wajib yang perlu diambil oleh setiap pelajar bukan Islam bagi ujian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pendidikan moral di sekolah menengah menumpukan pada pemupukan kekuatan kerohanian dan usaha moral pelajar dengan menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini (Mohamad et al, 2008). Subjek ini juga telah ditawarkan di sekolah rendah dengan menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sebagai buku panduan pengajaran manakala sekolah menengah pula menggunakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pelajar juga dibekalkan dengan satu buku teks bagi tujuan sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam buku teks tersebut juga telah dibahagi kepada beberapa bidang pembelajaran. Setiap bidang juga telah dimasukkan nilai murni mengikut apa yang telah dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui Rancangan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Pendidikan Moral disertakan dengan kerangka kurikulum konseptual yang memfokuskan kepada pemupukan Model Komprehensif Manusia yang merangkumi dimensi moral iaitu pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral. Dimensi moral yang menjadi asas dalam Pendidikan Moral merupakan perkara antara kriteria yang paling penting dalam memberi konsep yang sebenar tentang apa itu moral. Ia merangkumi penaaakulan moral, emosi moral dan amalan moral. Bagi membentuk individu bermoral, ia memerlukan ketiga-tiga aspek tersebut. Ini adalah kerana setiap tindakan yang dilakukan adalah berlandaskan kognitif dan emosi seseorang, jika seseorang itu mempunyai dimensi moral yang tinggi maka ia akan menghasilkan satu tingkah laku yang bermoral.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat penggunaan kursus pembelajaran berkhidmat sebagai satu subjek universiti pada peringkat kolej di Malaysia. Persampelan bertujuan telah digunakan dalam kajian ini iaitu pelajar kolej swasta yang mengambil kursus pembelajaran berkhidmat. Peserta yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar pelajar tahun akhir Diploma Pengurusan Haji dan Umrah. Menurut Suri (2011), persampelan bertujuan memerlukan sampel kajian yang dipilih dapat membantu dalam mengenal pasti maklumat yang perlu dicari. Oleh itu seramai 6 orang pelajar tahun akhir telah dipilih dari latar belakang berbeza baik dari segi kaum serta sosiekonomi selain mempunyai pengalaman menjalankan program pembelajaran berkhidmat. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kes dengan pendekatan kualitatif untuk meneroka bagaimana pembelajaran berkhidmat dapat diterapkan dalam pembelajaran serta dapat melihat peningkatan dimensi moral pelajar. Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik bagi menjalankan kajian ini ialah: a) protokol temu bual, b) jurnal dan c) nota refleksi. Data primer dikutip melalui temu bual manakala data sekunder pula dikutip melalui penulisan jurnal. Bagi menguatkan lagi hasil data penyelidikan, kajian ini menggunakan nota refleksi sebagai data sokongan. Konsep 3E merangkumi “experiencing”, “enquiring” dan

“examining” yang telah dipopularkan oleh Mills (2000) digunakan sebagai teknik mengumpulkan data kajian. Dalam kajian ini, pengumpulan data melalui teknik triangulasi adalah untuk menyokong dan menggabungkan hasil kajian iaitu dengan membandingkan temu bual, penulisan jurnal pelajar dan nota refleksi. Anotasi dihasilkan dengan memerhatikan data yang dikumpulkan dan diperhatikan. Kemudian, setelah mengumpulkan data, temu bual dilakukan berdasarkan penulisan jurnal pelajar dan nota refleksi peserta. Proses pengumpulan data menggunakan lebih dari satu teknik dan kaedah ini lebih baik kerana dapat menutup beberapa kelemahan yang ada. Tujuan menggunakan triangulasi juga adalah bertujuan untuk menunjukkan hasil kajian yang lebih konsisten dan boleh dipercayai daripada hanya menggunakan satu kaedah pengumpulan data.

Dapatan Kajian

Tiga instrumen telah digunakan untuk mengumpul iaitu temu bual, penulisan jurnal dan juga nota refleksi. Daripada tiga instrumen tersebut, kajian ini akan memfokuskan kepada perkembangan dimensi moral yang merangkumi penaakulan moral, emosi moral dan amalan moral.

Perkembangan Penaakulan Moral

Penaakulan moral boleh difahamkan sebagai satu proses pemikiran kritis terhadap sesuatu peristiwa sama ada keputusan yang dilakukan betul atau salah dan apa tindakan yang patut dilakukan bersesuaian dengan situasi tersebut. Menurut Malti et al, (2014) pula, penaakulan moral boleh ditakrifkan tentang proses berkaitan individu menggunakan logik dan refleksi diri dan cuba menentukan mengapa suatu tindakan itu salah atau betul dari perspektif moral. Jadi, daripada makna penaakulan moral ini, ia melibatkan pertimbangan moral seseorang untuk membuat keputusan yang dianggap betul, baik dan juga benar. Berdasarkan dapatan kajian menggunakan analisis deskriptif dapat dilihat bahawa program pembelajaran berkhidmat dapat mengembangkan dan meningkatkan penaakulan moral pelajar. Peserta menunjukkan perkembangan dan peningkatan penaakulan moral melalui pertimbangan moral dalam membuat tindakan dan pilihan tindakan yang munasabah. Melalui pembelajaran berkhidmat, pelajar dapat mengembangkan dan meningkatkan penaakulan moral mereka. Antara sub-tema yang dapat diklasifikasikan berdasarkan pertimbangan moral dalam membuat keputusan ialah: a) mempertimbang sebab-musabab dan b) kaedah penyelesaian konflik yang dialami.

Berdasarkan temu bual kumpulan berfokus menunjukkan bahawa peserta dapat menjelaskan sebab kepada konflik yang wujud sepanjang menjalankan program pembelajaran berkhidmat.

Antara yang dikemukakan oleh peserta kajian.

“melalui program pembelajaran berkhidmat membantu meningkatkan penaakulan moral program yang kami jalankan berlaku semasa pandemik Covid, jadi pelbagai cara telah kami fikirkan untuk memastikan program kami berjalan dengan lancar. Jadi, kami sebagai satu kumpulan berfikir bersama-sama bagaimana untuk menyelesaikan dilema ini. Sebab tak semua ada berdekatan dengan lokasi program, jadi kami kena cari alternatif lain”

Hasil temu bual ini juga menunjukkan bahawa pelajar berusaha untuk menyelesaikan masalah tersebut hasil perbincangan dengan ahli kumpulan. Seterusnya, hasil temu bual juga ada menunjukkan bahawa peserta juga tahu mengapa sebab mereka memilih kaedah untuk mengatasi konflik yang berlaku di antara ahli kumpulan mereka.

“Jadi, apa boleh kami cakap ialah pembelajaran khidmat meningkatkan penaakulan moral kami sebab kami membuat pertimbangan sebelum membuat sesuatu tindakan itu. Kalau kami tidak ada pertimbangan moral, maka kami akan mengalami akan mempunyai kesukaran untuk membuat keputusan yang boleh diterima oleh semua ahli kumpulan kami. Bekerja dalam kumpulan sememangnya mencabar sebab banyak perkara perlu diambil kira, tapi dengan berfikir kebaikan dan keburukan keputusan itu akan mengelak daripada masalah berlaku sepanjang program pembelajaran berkhidmat dijalankan”- Temubual -R1

Dapatan menunjukkan peserta membuat pertimbangan moral sebelum melaksanakan sesuatu tindakan. Peserta juga ada menyatakan keputusan yang dibuat perlu dibuat berdasarkan keperluan semua orang dan bukan tertumpu kepada kepentingan kepada diri sahaja kerana bekerja dalam kumpulan memerlukan pemahaman yang lebih terbuka dan tidak membelakangi mana-mana ahli kumpulan. Jadi, penyelesaian yang dibuat oleh peserta untuk membahagikan mengikut kumpulan memberi manfaat kepada semua orang disamping setiap orang berpeluang untuk turut serta menggalas tanggungjawab mereka sebagai ahli kumpulan. Seterusnya, hasil daripada penulisan jurnal daripada peserta juga menunjukkan bahawa setiap peserta memahami kesedaran tentang pentingnya pertimbangan moral yang betul dalam setiap tindakan yang dilakukan. Berikut adalah antara isi yang ditulis oleh peserta.

“Apa yang saya dapat pelajari ialah dalam hidup ini banyak perkara yang boleh kita lihat mempengaruhi segala tindakan yang kita lakukan dalam hidup. Tanpa pertimbangan moral yang betul kita mungkin boleh tersilap langkah dalam membuat keputusan”-Penulisan Jurnal

Berdasarkan ini, ia menunjukkan pelajar mengetahui bahawa pertimbangan moral yang salah juga boleh menyebabkan masalah dalam kehidupan mereka, jadi mereka akan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan sebab kalau tersilap langkah kesannya tetap akan kekal walaupun kita boleh berubah ke arah yang lebih baik. Manakala analisis daripada nota refleksi menyokong pernyataan di atas.

“Sepanjang program banyak konflik yang timbul dari segi kerjasama dalam kumpulan kepada pencarian tempat program jadi kami perlu berfikir dengan membuat pertimbangan dahulu bagi mengelakkan program itu tidak menjadi dan menyebabkan markah kursus kami akan terjejas akibat keputusan yang bakal dibuat nanti- Nota Refleksi.

Secara kesimpulannya, data triangulasi daripada kutipan data instrumen menunjukkan bahawa semua peserta dapat membuat pertimbangan moral dalam membuat setiap keputusan. Banyak faktor juga telah diberitahu oleh peserta yang mencetuskan beberapa konflik seperti kerjasama antara kumpulan, pencarian tempat program dan juga pembahagian tugas antara peserta. Melalui temu bual kumpulan berfokus menunjukkan peserta telah mencadangkan beberapa kaedah penyelesaian kepada konflik yang terjadi. Mereka mencadangkan kaedah mengikut pertimbangan moral yang telah mereka aplikasikan sebelum ini. Hasil temu bual antara penyelidik dan peserta kajian membuktikan tentang pernyataan ini.

“Nasib baik kumpulan kami boleh tolak ansur antara satu sama lain. Jadi, senang lah kami nak uruskan program. Semua ada tugas masing-masing. Walaupun kawan-kawan yang dekat dengan tempat program buat lebih kerja tapi setakat ni semua perselisihan dapat kami selesaikan. Biasalah tu kalau bekerja dalam kumpulan, setiap orang ada pandangan masing-masing, tetapi lepas bincang antara ahli kumpulan semua akan selesai.”- Kumpulan Fokus-R5

Berdasarkan jawapan daripada temu bual peserta ini, peserta telah menggunakan nilai bertolak ansur sebagai cara bagi menyelesaikan konflik moral yang terjadi disebabkan perselisihan kerjasama antara ahli kumpulan. Bagi peserta, bekerja dalam kumpulan perlukan sifat tolak ansur yang tinggi kerana jika semua tidak dapat bertolak ansur maka kumpulan mereka tidak akan dapat menjalankan program dengan lancar. Di samping itu, hasil kajian daripada kutipan kajian penulisan jurnal pula menyatakan bahawa peserta menyatakan bahawa hasil daripada mereka menjalankan program pembelajaran berkhidmat, mereka dapat membuat keputusan yang bersesuaian dengan keadaan konflik mereka ketika itu. Mereka merasakan bahawa dengan melakukan pertimbangan moral, ia akan mengasah pemikiran kognitif untuk membuat satu tindakan. Ia juga akan menunjukkan peningkatan terhadap kesedaran moral mereka.

“Dengan program pembelajaran berkhidmat dapat mengasah pemikiran kognitif untuk membuat pertimbangan moral. Sebagai contohnya, melakukan sesuatu dengan berfikir dahulu sebelum membuat tindakan. Nanti tindakan itu akan menunjukkan moral saya”- Penulisan Jurnal

“Program pembelajaran berkhidmat dapat mengembangkan aspek penaaakulan moral saya dengan melakukan perkara-perkara yang tidak melanggar moral masyarakat iaitu dengan menggunakan kaedah berfikir sebelum melakukan sebarang tindakan dan mengenalpasti apakah kesan yang akan berlaku setelah tindakan tersebut diambil”- Penulisan Jurnal

Manakala untuk analisa daripada nota refleksi peserta lain pula, peserta juga ada menyatakan, *Kami lebih mengambil perhatian setiap kali membuat keputusan yang dibuat dan kami dapat menyelesaikan konflik terutamanya bersama ahli kumpulan. Ada kumpulan yang terpaksa menyekat program sepanjang pandemik dan kami menyelesaikan masalah dengan bergerak secara kumpulan kecil dengan lebih daripada satu kali lawatan ke tempat program tetapi tetap mengikut prosedur operasi standard yang dikeluarkan oleh kerajaan. Jadi, walaupun apa pun yang terjadi, setiap masalah perlu diselesaikan”*- Nota Refleksi.

Justeru itu, berdasarkan kutipan data kajian ketiga-tiga instrumen ini dapat dilihat bahawa semua peserta kajian dapat menyelesaikan konflik moral yang dihadapi dengan mengambil kira setiap faktor yang boleh mencetuskan konflik moral tersebut. Pertimbangan moral adalah sangat penting sebagai tanda ukur penaaakulan moral. Dengan pertimbangan moral, setiap individu dapat membuat pertimbangan dan menyelesaikan konflik mereka. Sebagai rumusan untuk persoalan kajian yang pertama, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran berkhidmat dapat meningkatkan penaaakulan mora pelajar disampai sesuai diadakan di peringkat kolej. Ini adalah kerana dengan program pembelajaran berkhidmat, pelajar dapat mengasah pemikiran kognitif mereka. Peserta membuat penaaakulan moral dengan memikirkan kenapa sesuatu konflik itu timbul, membuat pertimbangan moral yang sesuai untuk membuat keputusan dan akhirnya melakukan tindakan berdasarkan keputusan yang diambil.

Perkembangan Emosi Moral

Emosi moral merupakan elemen yang sangat penting kerana setiap individu akan merasakan emosi yang tersendiri walau dalam apa jua keadaan. Menurut Kroll dan Egan (2004), emosi moral akan menjadi elemen utama yang dapat memberi motivasi kepada individu melakukan tingkah laku yang baik dan mengelakkan daripada melakukan perkara yang buruk. Emosi moral ini sangat penting untuk membantu pelajar dalam membuat keputusan. Berdasarkan dua

tema telah dikenal pasti berkenaan perkembangan dan peningkatan emosi moral pelajar iaitu: a) kewujudan perasaan sendiri dan b) kesedaran terhadap perasaan orang lain.

Kewujudan Perasaan Kendiri

Data kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berkhidmat dapat mengembangkan dan meningkatkan aspek emosi para pelajar. Berdasarkan program pembelajaran berkhidmat juga, pelajar dapat merasai pelbagai perasaan emosi yang ada dalam diri mereka dan juga kepada orang lain. Oleh kerana setiap orang mempunyai perasaan sendiri yang timbul dalam kehidupan seharian mereka. Perasaan sendiri ini juga merupakan komponen penting bagi setiap orang kerana tanpanya manusia tidak dapat menyatakan perasaan mereka dengan baik. Jika setiap individu sukar untuk menyatakan perasaan mereka maka mereka akan menghadapi konflik berkaitan dengan pembentukan emosi moral. Berdasarkan dapatan kajian, peserta dapat menunjukkan pelbagai jenis emosi seperti gembira dan juga sedih. Selain itu, peserta juga ada menyatakan bahawa sepanjang menjalankan program pembelajaran berkhidmat, emosi mereka sering terkesan dengan situasi sedia ada yang memberi impak kepada kewujudan perasaan sendiri mereka. Antaranya ada peserta menyatakan perasaan serba salah mereka dengan nasib yang menimpa anak yatim di rumah anak yatim. Perasaan serba salah dapat dikesan melalui intonasi nada peserta yang rendah serta mengenang kembali segala kelebihan yang dia dapat tanpa bersyukur atas kurniaan yang telah dimiliki. Ini menunjukkan bahawa peserta mula sedar akan nikmat yang telah mereka dapat itu lebih banyak berbanding dengan orang lain yang tidak bernasib baik daripada mereka.

Bila kami jalankan program, banyak yang kami dapat. Kami rasa sendiri macam mana perasaan masyarakat yang kami jumpa. Banyak nilai moral yang kami belajar. Yang pertama sekali, nilai kesederhanaan. Sebelum ni kami fikir kami tak cukup je, kami rasa kehidupan kami serba tak cukup. Tapi bila kami pergi ke lokasi program, kami rasa macam serba salah sangat. Rupanya ada lagi yang serba kekurangan. Kami buat program dekat rumah anak yatim, jadi bila pergi sana, macam-macam perasaan kami rasa. Patutnya saya kena bersyukur dengan nikmat yang saya ada dan bukan merungut tentang apa yang saya tiada- Temubual

Berdasarkan penulisan jurnal pula, peserta juga ada menunjukkan perasaan serba salah terhadap ahli kumpulan mereka. Ini adalah kerana peserta tidak dapat menyertai ahli kumpulan yang lain untuk pergi ke lokasi program. Jadi, peserta merasakan dia membawa masalah kepada kumpulan walaupun ahli kumpulan telah menasihati mereka bahawa tidak menjadi masalah jika dia tidak dapat menyertai. Namun begitu, peserta tetap merasakan perasaan serba salah yang tinggi kerana rakan yang lain terpaksa buat kerja lebih daripada mereka.

Program ini tidak dapat dilakukan bersama ahli kumpulan disebabkan Covid-19 menyebabkan program itu lambat bergerak dengan cepat. Ramai ahli kumpulan tidak dapat menyertai program menyebabkan pergerakan program terganggu. Saya terutamanya serba salah kerana saya salah seorang yang tidak dapat menyertai program tersebut dan menyebabkan kawan-kawan saya mengambil tugas saya semasa di lokasi program- Penulisan jurnal

Di samping itu, analisis nota rekrifeksi juga ada menunjukkan beberapa orang peserta yang juga serba salah kerana mereka tidak dapat membantu ahli kumpulan mereka. Perasaan serba salah ini muncul disebabkan oleh para peserta merasakan program mereka terjejas disebabkan oleh mereka. Apabila banyak perselisihan pendapat antara ahli kumpulan, menyebabkan peserta tidak puas hati dengan diri masing-masing sehingga timbulnya perasaan serba salah selepas itu di antara mereka. Berikut adalah pernyataan peserta kajian.

Memang seronok buat program dengan kerjasama orang luar, tapi pada peringkat permulaan ada perselisihan yang berlaku dan menyebabkan saya rasa serba salah pula dengan kawan-kawan saya sekarang tetapi saya dah berbincang dengan mereka tentang perkara ini.-Nota Refleksi

Perasaan sedih itu sentiasa dirasai oleh setiap individu daripada kecil sehingga ke dewasa. Peserta kajian juga ada mempamerkan perasaan sedih melalui pembelajaran berkhidmat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui temubual antara penyelidik dengan peserta kajian. Peserta dapat mempamerkan perasaan sedih apabila membayangkan jika tiada ibu bapa di sisi sepanjang kehidupan mereka. Perasaan sedih ini menunjukkan bahawa peserta dapat menzahirkan emosi moral yang sesuai dengan situasi moral yang berlaku pada waktu program itu dijalankan.

“Kumpulan kami sempat membaiki rumah anak yatim yang banyak telah rosak, nampak perasaan gembira kanak-kanak tu bila kita orang datang dekat sana. Seronok anak-anak tu bila ada orang yang datang melawat mereka. Saya rasa sedih sangat sebab bayangkan lah kecil-kecil lagi mereka sudah kena berdikari sendiri tanpa bantuan daripada ibu bapa. Lagi sedih bila kanak-kanak itu faham tentang ibu bapa dan nampak di mata mereka rasa sedih bila penjaga mereka menyebut pasal ibu bapa”- Temubual.

Melalui penulisan jurnal pula, beberapa orang peserta juga menyatakan perasaan sedih mereka apabila mengimbuai kembali nasib yang ditimpa oleh anak-anak tersebut yang serba kekurangan. Tambahan lagi, anak-anak kecil sudah terpaksa berdikari sendiri di usia kecil lagi dan ini membuatkan peserta menunjukkan intonasi nada suara yang sedih. Peserta juga ada dapat melihat bahawa anak-anak itu sedih apabila peserta ingin balik dengan bertanyakan soalan seperti bila kakak nak datang lagi.

“Tapi apa yang membuatkan saya lagi sedih ialah bagaimana nasib anak-anak yatim itu selepas kami balik. Saya sedih apabila memikirkan anak-anak ini terpaksa kembali semula menjalani hidup mereka yang dalam kesedihan. Nampak di mata kanak-kanak itu mereka memerlukan tempat menumpang kasih sayang ibu bapa yang tidak akan mereka dapat sampai bila-bila”-Penulisan Jurnal

Analisis daripada nota refleksi pula menunjukkan peserta menunjukkan perasaan sedih mereka kerana tidak dapat menyertai bersama dengan kawan-kawan mereka. Peserta juga dapat memberi pelbagai kewujudan perasaan sendiri yang boleh membantu mereka untuk bertindak mengikut emosi yang betul dan bukannya berdasarkan pengaruh orang lain. Selain perasaan sedih, perasaan gembira juga dapat dipamerkan oleh pelajar sepanjang menjalankan program pembelajaran berkhidmat. Berdasarkan temu bual, peserta kajian dapat menunjukkan perasaan gembira apabila dapat membantu orang lain. Peserta mengeksperisikan perasaan gembira dengan menyatakan,

“Macam yang kawan saya cakap, banyak benda yang kami dapat belajar dan macam-macam perasaan yang kami rasa. Tapi bagi saya sangat gembira dengan usaha yang kami lakukan ini sedikit sebanyak golongan yang terlibat. Walaupun kesannya nampak kecil di mata semua orang, tapi saya rasa memang terkesan dekat diri saya. Yelalhh, selama ini saya tak pernah secara dekat dengan anak-anak yatim semua tapi bila nampak dengan mata saya sendiri memang pengalaman itu sangat berbeza” - Temubual

Peserta kajian lain pula, menyatakan pembelajaran berkhidmat dapat mengawal emosi dengan baik dan lebih berfikiran positif dan menunjukkan lebih banyak emosi gembira. Peserta juga membandingkan bahawa sebelum ini beliau sering kali mengikut emosinya yang tidak terkawal sehingga menyebabkan perasaan negatif itu sering muncul. Tetapi selepas menyertai program, banyak yang dipelajari sebagaimana petikan penulisan jurnal peserta dibawah.

“Dengan adanya program ini ianya dapat membantu saya mengembangkan aspek emosi kepada yang lebih baik. Saya lebih pandai mengurus emosi moral saya dan bertindak berdasarkan tahap pemahaman emosi moral yang tinggi. Saya lebih gembira apabila dapat mengawal emosi moral dengan betul berbanding dahulu kerana saya terlampau mengikut emosi sehingga berfikiran negatif”- Penulisan Jurnal

Berdasarkan nota refleksi pula, kebanyakan peserta kajian merasakan perasaan gembira apabila dapat membantu orang lain walaupun dengan bantuan yang kecil sahaja. Bagi mereka, melihat anak-anak kecil tersenyum membuatkan mereka gembira dengan reaksi tersebut. Ini menunjukkan kesemua peserta dapat mempamerkan kegembiraan dan keseronokan semasa menjalankan program pembelajaran berkhidmat sama seperti apa yang mereka terangkan semasa temu bual bersama penyelidik. Perasaan gembira adalah sangat penting untuk menunjukkan sifat positif dalam diri sendiri dan semua peserta berjaya menunjukkan ekspresi tersebut. Selain daripada perasaan emosi yang telah disenaraikan diatas, beberapa peserta kajian juga ada menyatakan bahawa mereka merasakan wujudnya perasaan berani dalam diri mereka. Sebagai contoh, ada diantara peserta yang merasakan mereka lebih berani untuk membuat sesuatu keputusan. Sebelum ini, mereka tidak berani untuk membuat keputusan dengan menyatakan pendapat mereka dan lebih rela mengikut sahaja cadangan orang lain. Namun, selepas menjalankan program, peserta tersebut merasakan mereka lebih berani untuk menyatakan pendapat mereka sendiri. Berdasarkan daripada penulisan jurnal salah seorang peserta kajian;

“Saya lebih berani menyatakan pendapat saya sendiri berbanding sebelum ini. Sebelum ini saya hanya mengikut sahaja idea yang diberikan oleh kawan-kawan saya dan jarang memberi pendapat, Tetapi selepas berlakunya salah faham semasa membuat program, saya cuba memberanikan diri meleraikan salah faham dan memberi idea saya dan mereka menerima pandangan yang saya cadangkan”- Temubual

Kesedaran Terhadap Perasaan Orang Lain

Sebagai seorang individu yang bermoral, bukan sahaja kewujudan perasaan sendiri sahaja yang perlu diambil peduli malah kesedaran terhadap perasaan orang lain juga sangat penting. Setiap individu merupakan anggota masyarakat di sekeliling mereka maka mereka haruslah sedar akan perasaan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri sahaja. Dengan adanya kesedaran ini, seseorang itu akan merasakan bahawa perasaan orang lain adalah sama penting macam perasaan sendiri dan mereka akan bertindak dengan lebih berhati-hati agar tidak menyakiti hati sesiapa. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berkhidmat dapat mewujudkan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Antara perasaan yang dapat dilihat adalah perasaan empati. Melalui temu bual kumpulan berfokus, pelajar ada menunjukkan sifat empati yang wujud dalam diri mereka terhadap anak-anak yatim di tempat program. Pelajar juga menyedari bahawa sifat empati sangat penting untuk semua orang terutamanya apabila ingin membantu menyelesaikan orang lain. Selain itu, peserta kajian juga menyatakan bahawa dengan adanya perasaan empati barulah seseorang boleh rasa belas kasihan terhadap orang lain. Menurut pesert kajian;

“Saya pun setuju dengan pendapat kedua-dua kawan saya, memang kita akan rasa empati terhadap nasib anak-anak yatim ini. Walaupun apa jua program pembelajaran berkhidmat, kita kena ada sifat empati barulah kita boleh menyelesaikan masalah situasi yang dihadapi. Kita kena faham tujuan satu tindakan itu dilakukan agar niat kita tidak terpesong. Lagi satu saya nak tambah, bila ada sifat empati barulah ada rasa belas kasihan terhadap orang lain”- Temubual

Melalui penulisan jurnal pula, salah seorang peserta kajian juga ada menyatakan bahawa melalui pembelajaran berkhidmat, emosi moral dapat berkembang terutamanya kewujudan sifat empati terhadap orang lain dan mereka akan menggunakan pengalaman tersebut selepas ini.

Dengan adanya program ini, ia membantu mengembangkan emosi moral saya berdasarkan banyak aspek. Antaranya ialah perasaan empati terhadap orang lain. Jadi, saya boleh menggunakan emosi moral saya dengan betul pada masa akan datang-
Penulisan Jurnal

Manakala melalui analisis nota refleksi pula, peserta kajian juga menyatakan mereka dapat menyelami apa yang orang lain rasa dan membayangkan bagaimana perasaan mereka juga kehilangan ibu bapa sewaktu kecil. Justeru, dengan merasai apa yang orang lain rasa maka lahirlah perasaan empati terhadap orang lain. Ini menunjukkan bahawa pelajar dapat menunjukkan pelbagai emosi moral dengan memahami perasaan orang lain.

Perkembangan Amalan Moral

Perkembangan amalan moral adalah sama penting seperti penaakulan moral dan juga emosi moral. Ini adalah kerana amalan moral yang akan membuatkan seseorang individu itu melakukan tindakan yang dianggap bermoral dan bukannya hanya melihat situasi moral tanpa ada apa-apa tindakan. Amalan moral ini sangat berkait rapat dengan etika. Etika merupakan satu standard peraturan yang dapat membantu individu membezakan tingkah laku yang baik dan tidak baik. Menurut Furman (2003), dengan menerapkan prinsip etika, individu boleh menyelesaikan dilema yang dihadapi dan membuat keputusan yang dianggap beretika. Tanpa etika, setiap individu tidak akan dapat menjadi seorang yang bermoral. Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga analisis data menunjukkan empat amalan moral telah dikenal pasti melalui pembelajaran berkhidmat yang telah dijalankan oleh peserta kajian iaitu, amalan melaksanakan tugas, amalan bekerja bersama, amalan bertolak ansur dan amalan tolong menolong.

Amalan Melaksanakan Tugas

Bagi meneroka amalan melaksanakan tugas dalam kalangan pelajar, kajian ini berpandukan kepada ketiga sumber dapatan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar boleh menjalankan tugas mereka semasa melakukan program pembelajaran berkhidmat dan melaksanakan tugas dengan baik. Pelajar juga belajar bagaimana untuk merancang agar tugas yang perlu dibuat dapat bergerak dengan lancar dan bagaimana memegang tanggungjawab mereka dan menguruskan program sehingga selesai.

“Yang pertama sekali, kami belajar cara menjalankan tugas dengan baik. Setiap orang diberi tugas untuk menjalankan tugas masing-masing. Memang kalau program, setiap orang diberi tugas tetapi dengan pembelajaran berkhidmat ni kami akan belajar rancang dari awal sehingga kepada peraksanaan program”-Temubual

Melalui dapatan kajian penulisan jurnal pula, pelajar menyatakan bahawa tanggungjawab menjalankan tugas adalah sangat penting terutamanya apabila menjalankan program melibatkan orang luar perlu memastikan kelancaran program agar tidak terganggu kerana ini akan memberi impak negatif kepada pihak luar yang mereka pilih. Peserta juga ada menyatakan perlunya menjalankan tugasnya dengan baik dan menguruskan segala hal berkaitan dengan dana program.

“Bila kami dah buat program sendiri, jadi setiap orang ada tugas masing-masing. Macam saya, saya ditugaskan dalam bahagian pengumpulan dana. Jadi saya cari sesiapa yang membolehkan sumbangan kepada kumpulan kami. Kalau semua tak jalankan tugas masing-masing, susah nak siapkan program. Jadi, kami selalu ingatkan masing-masing untuk siapkan kerja”-Penulisan Jurnal

Melalui nota refleksi pula, melalui pembelajaran berkhidmat, pelajar dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih teratur kerana pembelajaran berkhidmat mempunyai langkah-langkah tertentu untuk membuat program. Perancangan adalah paling penting dalam menjalankan program agar tidak menimbulkan masalah semasa program. Berikut adalah bukti penyataan daripada peserta kajian.

“Antara perkara yang paling penting saya belajar ialah cara untuk menjalankan tugas dengan lebih teratur. Pembelajaran berkhidmat ada langkah-langkah yang perlu dilakukan bermula daripada perancangan sehinggalah kepada pelaksanaan progra. Jadi, saya belajar untuk buat tugas mengikut urutan yang telah diberi. Dengan adanya langkah tersebut, saya tidak kelam kabut dalam menyiapkan tugas yang diberikan dan tahu bila saya perlu siapkan”-Nota Refleksi

Amalan Bekerja Bersama

Dalam melaksanakan program yang melibatkan kumpulan, amalan bekerja bersama adalah sangat penting kerana jika tiada amalan kerjasama maka ia akan menyebabkan setiap keputusan yang diberikan tidak ada kata putus atau menguntungkan satu pihak sahaja. Berdasarkan temu bual, dapat disimpulkan bahawa amalan bekerjasama dapat diterapkan sepanjang pelaksanaan program pembelajaran berkhidmat. Setiap ahli kumpulan bekerjasama bagi memastikan program berjaya dilancarkan.

“Ya, sebab ada ramai juga kawan kami yang tak dapat sertai program di lokasi yang dipilih. Jadi kami kena bahagi-bahagi tugas mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing. Kerjasama antara ahli kumpulan paling penting kalau nak selesaikan masalah ni. Sebabnya, kalau tak ada kerjasama, susah nak siapkan program. Tapi kawan-kawan kami semua boleh bekerja dalam satu kumpulan walaupun macam-macam perkara berlaku”-Temubual

Melalui penulisan jurnal pula, peserta kajian menyatakan bahawa;

“Sukar untuk membuat program seorang diri kerana banyak perkara yang perlu buat. Sebab itu adanya kumpulan dan tujuannya adalah untuk bekerjasama dalam menyiapkan program. Bila bekerja dalam kumpulan, mana-mana bahagian yang tidak lengkap, antara ahli kumpulan boleh bersama-sama menyelesaikan masalah tersebut tetapi kalau seorang diri, individu tersebut mungkin akan merasakan bebanan kerja yang sangat tinggi dan boleh membahayakan emosi moral mereka dan merasakan ada sahaja yang tidak kena”-Penulisan Jurnal.

Amalan Bertolak Ansur

Berdasarkan dapatan kajian temu bual, peserta dapat menunjukkan amalan bertolak ansur antara ahli kumpulan dalam pembahagian tugas. Pelajar melakukan tugas tersebut dengan sabar dan dengan rasa rela hati dan bersikap bertoleransi antara satu sama lain seperti membantu kawan mereka membuat kerja yang lebih jika kawan lain tidak dapat melakukannya kerana kekangan semasa musim pandemik. Berikut adalah pernyataan daripada salah seorang peserta kajian.

“Nasib baik kumpulan kami boleh tolak ansur antara satu sama lain. Jadi, senang lah kami nak uruskan program. Semua ada tugas masing-masing. Walaupun kawan-kawan yang dekat dengan tempat program buat lebih kerja tapi setakat ni semua perselisihan dapat kami selesaikan. Biasalah tu kalau bekerja dalam kumpulan, setiap orang ada pandangan masing-masing, tetapi lepas bincang antara ahli kumpulan semua akan selesai”.-Temubual

Penulisan jurnal menyokong dapatan di atas, di mana pelajar menyatakan bahawa antara perkara yang peserta belajar ialah sikap tolak ansur. Oleh kerana setiap orang mempunyai pandangan masing-masing, jika perselisihan faham berlaku akan mengeruhkan lagi keadaan. Oleh itu amalan bertolak ansur menjadi pengantaraan antara orang lain dan bukan bermaksud menerima keputusan orang lain dengan rela hati tetapi lebih kepada melihat kebaikan setiap idea yang diberikan itu.

“Dalam program ini saya mempelajari banyak nilai murni yang boleh dilakukan dalam kehidupan seharian seperti bertolak ansur. Kadangkala kita kena bersikap bertolak ansur sebab tak semua boleh terima pendapat masing-masing. Jadi, kena ada pihak yang mengamankan situasi tegang terutama kalau melibatkan kawan-kawan”.
Penulisan Jurnal

Amalan Tolong Menolong

Analisis daripada kutipan data kajian menunjukkan amalan tolong menolong antara satu sama lain dalam kalangan peserta wujud sepanjang menjalankan program pembelajaran berkhidmat. Peserta kajian menolong sesama sendiri dalam memastikan pelancaran program yang telah mereka rancang. Para peserta rela menolong menyiapkan persiapan program yang sepatutnya dibuat oleh kawan-kawan mereka dan perasaan tidak puas hati antara ahli kumpulan jarang wujud sepanjang program berlangsung. Perkara ini dapat dibuktikan dengan pernyataan salah seorang peserta kajian.

“Ya, kami bahagi kepada beberapa kumpulan kecil. Ada yang urus bahagian baiki rumah anak yatim, ada yang urus bahagian dana anak yatim. Jadi kiranya kita orang sama-sama tolong menolong lah nak siapkan program tu. Sebabnya ramai yang tak dapat nak rentas negeri nak sertai program tu, jadi kami tolong lah uruskan dengan tempat program, yang tak dapat hadir, dia orang akan uruskan bahagian laporan dan setiap minit mensyuarat sepanjang program”.-Temubual

Berdasarkan penulisan jurnal pula, beberapa orang peserta kajian juga ada menyatakan bahawa mereka telah mempelajari nilai moral iaitu tolong menolong sepanjang menjalankan program pembelajaran berkhidmat. Para peserta juga menunjukkan semangat tolong menolong dan membuatkan kerja yang rumit menjadi senang. Selain itu, hubungan yang baik antara ahli kumpulan membantu mereka untuk mengamalkan sikap tolong menolong. Ini adalah kerana kebanyakan daripada peserta kajian adalah kawan sesame mereka dan tolong menolong adalah perkara biasa yang sering dilakukan oleh mereka. Berikut adalah beberapa penulisan jurnal pelajar.

“Melalui program pembelajaran berkhidmat, ia meningkatkan nilai moral dalam diri saya contohnya, nilai tolong menolong antara satu sama lain antara ahli kumpulan. Disebabkan kami dah berkawan lama, jadi kami memang sudah biasa tolong menolong antara satu sama lain” - Penulisan Jurnal

“Dengan mengikuti program ini saya dapat membentuk semangat kerjasama, tolong menolong dan kepimpinan. Tapi bagi saya sikap tolong menolong antara ahli kumpulan bagi saya yang paling penting sebab tanpa bantuan daripada kawan-kawan tidak mungkin program ini akan berjaya.” - Penulisan Jurnal

Berdasarkan analisis dapatan kajian berkenaan yang dibuat melibatkan empat amalan moral yang telah dikaji sebelum ini, ia menunjukkan bahawa pembelajaran berkhidmat dapat mengembangkan serta meningkatkan amalan moral dalam kalangan peserta kajian. Kesemua ciri-ciri amalan moral ini dapat dipamerkan oleh pelajar pada sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan program pembelajaran berkhidmat.

Perbincangan

Berdasarkan daripada analisis dan dapatan kajian, ini menunjukkan bahawa pembelajaran berkhidmat dapat mengembangkan serta meningkatkan dimensi moral pelajar kolej yang terpilih. Kajian menunjukkan bahawa pelajar dapat menggunakan aspek penaakulan moral dalam membuat pertimbangan moral yang baik. Dengan adanya pertimbangan moral yang baik oleh pelajar maka ia akan memberi kesan positif terhadap tindakan yang dipilih sepanjang menjalankan program pembelajaran berkhidmat. Kesimpulannya setiap peserta kajian telah terlibat secara tidak sedar menggunakan pertimbangan moral mereka walaupun sebelum melakukan program lagi. Oleh kerana dalam membuat satu pertimbangan moral yang baik, setiap individu perlu mempertimbangkan sebab dan musabab mengapa sesuatu konflik itu berlaku. Apabila pelajar dapat memahami mengapa konflik itu berlaku, barulah langkah penyelesaian boleh dilakukan berdasarkan sesuai dengan situasi moral yang dialami. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dapat menyenaraikan sebab sesuatu konflik itu berlaku dengan menggunakan pemikiran kognitif mereka dengan baik. Tanpa penaakulan moral yang baik, individu tidak dapat membuat keputusan berdasarkan rasional yang sesuai. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa selepas pelajar dapat memahami situasi konflik yang berlaku, pelajar telah memilih kaedah penyelesaian konflik yang patut dilakukan. Dengan adanya panduan tentang apa yang benar dan patut dilakukan ini, peserta kajian lebih yakin untuk membuat keputusan kerana mereka merasakan keputusan yang dibuat boleh juga diterima oleh ahli kumpulan mereka. Perkara ini menyokong data kajian lepas yang dilakukan oleh Vartiainen dan Siponen (2010). Menurut Vartiainen dan Siponen (2010) dalam kajiannya, 56 peratus menggunakan teori etika untuk menyokong pertimbangan moral mereka dan pelajar menganggap bahawa teori etika tersebut membantu mereka menyelesaikan konflik moral. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar kolej dapat menunjukkan penggunaan unsur emosi moral sepanjang menjalankan program pembelajaran berkhidmat. Pelajar dapat mempamerkan unsur emosi moral melalui kewujudan perasaan sendiri dan kesedaran terhadap perasaan orang lain. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian daripada Felten et al, (2006) yang menunjukkan kepentingan bahawa emosi sangat penting dalam meningkatkan motivasi dalam pembelajaran berkhidmat. Kajian menunjukkan bahawa pembelajaran berkhidmat dapat mengembangkan amalan moral kepada peserta kajian. Antara amalan moral yang telah dipamerkan oleh pelajar ialah amalan melaksanakan tugas, amalan bekerja bersama, amalan bertolak ansur dan akhir sekali ialah amalan tolong menolong. Kesemua amalan moral ini adalah amalan yang patut dilakukan dan diterima oleh norma masyarakat setempat.

Kesimpulan

Kajian ini menambah lagi kajian berkenaan perkaitan antara moral dengan pembelajaran berkhidmat di Malaysia. Kajian penyelidikan ini dapat membantu dalam kajian lanjutan yang bersesuaian disamping meluaskan lagi pembelajaran berkhidmat dalam bidang pendidikan di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak universiti boleh melihat bagaimana pembelajaran berkhidmat ini dapat memberi kebaikan kepada pelajar. Justeru itu, diharap bahawa kursus ini lebih banyak ditawarkan di peringkat pengajian tinggi dan pelajar yang mengambilnya juga akan mendapat pelbagai kemahiran insaniah. Selain itu, penyelidikan ini juga dapat memberi gambaran awal kepada semua orang tentang perkaitan antara dimensi moral dan juga pembelajaran berkhidmat. Di Malaysia, kajian tentang pembelajaran berkhidmat dan kesannya terhadap moral pelajar kurang diterbitkan oleh mana-mana penyelidik sebelum ini. Walaupun banyak kebaikan dari segi peningkatan moral pelajar dapat dilihat melalui pembelajaran berkhidmat tetapi masih ramai lagi yang tidak menggunakan silibus kursus ini. Kementerian Pengajian Tinggi juga telah mengeluarkan buku panduan SULAM untuk digunakan oleh semua universiti di Malaysia. Justeru, berdasarkan kajian ini, pensyarah di universiti dapat melihat kajian awal tentang peningkatan moral pelajar dan cuba mengaplikasikannya kepada pelajar mereka sendiri. Oleh kerana kajian ini terbatas kepada program pembelajaran berkhidmat yang dilakukan sekali sahaja. Kajian penyelidikan tentang pembelajaran berkhidmat terhadap pelbagai latar belakang seperti budaya dan juga pencapaian akademik juga boleh diadakan pada masa akan datang. Secara kesimpulannya, pembelajaran berkhidmat ini mampu meningkatkan kesemua aspek dimensi moral murid. Selain itu pembelajaran berkhidmat ini juga dapat memberi banyak kebaikan disamping dapat mendidik pelajar dengan pelbagai kemahiran seperti kemahiran menguruskan program.

Rujukan

- Astin, A. W., Vogelgesang, L. J., Ikeda, E. K., & Yee, J. A. (2000). How Service Learning Affects Students. Executive Summary.
- Barrow, R. (2007). *An introduction to moral philosophy and moral education*. Routledge.
- Bordelon, T. D., & Phillips, I. (2006). Service-learning: What students have to say. *Active learning in higher education*, 7(2), 143-153.
- Bringle, R. G., & Hatcher, J. A. (1996). Implementing service learning in higher education. *The Journal of Higher Education*, 67(2), 221-239.
- Celio, C. I., Durlak, J., & Dymnicki, A. (2011). A meta-analysis of the impact of service-learning on students. *Journal of Experiential Education*, 34(2), 164-181.
- Felten, P., Gilchrist, L. Z., & Darby, A. (2006). Emotion and learning: Feeling our way toward a new theory of reflection in service-learning. *Michigan Journal of Community Service Learning*, 12(2), 38-46.
- Folgueiras, P., Aramburuzabala, P., Opazo, H., Mugarra, A., & Ruiz, A. (2020). Service-learning: A survey of experiences in Spain. *Education, Citizenship and Social Justice*, 15(2), 162-180.
- Furman, G. C. (2003). Moral leadership and the ethic of community. *Values and ethics in educational administration*, 2(1), n1.
- Hudin, N. S., Osman, J., Shokory, S. M., & Ab Wahid, H. (2018). Service learning in higher education: Evidence from Malaysia. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(3.30), 474-479.
- Jamieson, D. (1991). Method and Moral Theory in A Companion to Ethics. Singer, Peter, ed. 476-487.
- Kroll J., & Egan, E. (2004). Psychiatry, moral worry, and moral emotions. *Journal of Psychiatric Practice*, 10, 352-360.

- Ma, C. E. C. I. L. I. A., Shek, D. T., & Li, P. E. C. K. Y. (2016). Promoting service leadership through service leadership learning among Chinese university students.
- Madsen, S. R., & Turnbull, O. (2006). Academic service learning experiences of compensation and benefit course students. *Journal of Management Education*, 30(5), 724-742.
- Malti, T., Ongley, S. F., Killen, M., & Smetana, J. (2014). The development of moral emotions and moral reasoning. *Handbook of moral development*, 2, 163-183.
- Mamat, M., Amran, N. N., Ismail, Z., Ibrahim, M., Ishak, H., & Baba, S. (2019). Service-learning in Malaysia: Practice and implementation in four public universities. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 10(4), 1682-1691.
- Mills, G. E. (2000). *Action research: A guide for the teacher researcher*. Prentice-Hall, Inc., One Lake Street, Upper Saddle River, New Jersey 07458.
- Mohamad, B., Suradin, A., & Khamisan, Z. A. H. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam membina sahsiah pelajar berkualiti.
- Nachiappan, S., Sinnasamy, B., & Suffian, S. (2017). Masalah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah dan penyelesaian masalah melalui kaedah Hermeneutik. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 7(2), 58-68.
- Omar (2019) Omar, M. K. Enriching Learning Experience through Service-Learning. *Scholarship of Teaching and Learning@ UPM© Centre for Academic Development (CADe)*, Universiti Putra Malaysia First Print 2019, 93.
- Schuitema, J., Dam, G. T., & Veugelers, W. (2008). Teaching strategies for moral education: A review. *Journal of curriculum studies*, 40(1), 69-89.
- Suri, H. (2011). Purposeful sampling in qualitative research synthesis. *Qualitative research journal*, 11(2), 63.
- Vartiainen dan Siponen (2010). Vartiainen, T., & Siponen, M. (2010). On IS students' intentions to use theories of ethics in resolving moral conflicts. *Journal of Information Systems Education*, 22(1), 33.